

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 05 DISEMBER 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	5 surau pertama terima panel solar	Berita Harian
2.	Sesi persekolahan 4 negeri bermula 3 Jan, negeri – negeri lain 4 Jan	BERNAMA

5 surau pertama terima panel solar

Ayer Keroh: Lima surau di Melaka menjadi rumah ibadat pertama di negara ini menerima sistem panel solar bernilai lebih RM100,000 daripada Organisasi Pembangunan Perindustrian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDO).

Lima surau itu adalah Surau Al-Munawwarah di Taman Terendak Permai, Surau Nur Hidayah di Tanjung Kling, Surau An-Nur di Taman Sri Krubong dan Madrasah Ar-Rahim di Kampung Pinang A, semua di kawasan parlimen Tangga Batu, manakala Surau As-Sa'adah di parlimen Bukit Katil.

Program dengan kerjasama Institut Piaawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) itu bakal melengkapkan surau berkenaan dengan sistem kuasa solar dalam usaha meningkatkan penggunaan sumber tenaga bo-


leh diperbaharui, sekali gus memberi nilai tambah kepada pembangunan teknologi hijau.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah, berkata projek perintis itu bakal dilaksanakan awal tahun depan.

Jimat tenaga

"Pihak UNIDO yang menganugerahkan geran penyelidikan kepada SIRIM memilih Melaka bagi pemasangan sistem ini dengan matlamat mengurangkan penggunaan tenaga konvensional.

"Panel solar ini akan dipasang pada bumbung surau, tetapi jika strukturnya tidak kukuh, ia di tempatkan di rak bahagian luar surau. Kita berharap, sistem yang menggunakan tenaga solar sepenuhnya pada lampu, kipas dan pendingin hawa ini dapat men-



Tapak projek pemasangan sistem solar PV di Surau Nur Hidayah, Kampung Solok Biak di Tanjung Kling, Melaka.

[FOTO IHSAN PEMBACA]

jimatkan tenaga elektrik sehingga 50 peratus," katanya ketika di temui BH di sini, semalam.

Sistem solar dikenali sebagai panel fotovoltaik (PV) itu dilengkapi komponen seperti panel dan bateri sebagai tempat penyimpan-

nan yang mampu membekalkan tenaga sehingga 500 Watt pada satu-satu masa.

Bagaimanapun, sistem berkenaan hanya boleh digunakan pada waktu siang kerana menggunakan sumber semula jadi te-

naga matahari.

Sebelum ini, Masjid Cyberjaya yang bernilai kira-kira RM35 juta menjadi masjid pertama negara menggunakan panel solar yang ditempatkan di atas bumbung untuk menjana elektrik.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 05 DISEMBER 2015 (SABTU)



Sesi Persekolahan 4 Negeri Bermula 3 Jan, Negeri-Negeri Lain 4 Jan

PUTRAJAYA, 4 Dis (Bernama) -- Sesi persekolahan tahun 2016 bagi empat negeri, iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor akan bermula pada 3 Januari manakala negeri-negeri lain 4 Januari, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Tarikh akhir persekolahan bagi empat negeri berkenaan adalah pada 24 November manakala bagi negeri-negeri lain pada 25 November, katanya.

"Seramai 448,498 murid baru akan memasuki Tahun Satu pada tahun depan," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat persediaan penggal persekolahan 2016 di sini Jumaat.

Mahdzir juga dalam sidang media itu memaklumkan bahawa sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Jabatan Pendidikan Daerah (JPD) terutama di kawasan berisiko banjir telah diarahkan untuk membuat persediaan awal menghadapi kemungkinan banjir bagi mengurangkan kerosakan dan kerugian.

Katanya JPN dan JPD khususnya di kawasan sering dilanda banjir diminta bekerjasama dengan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan mengambil langkah awal termasuk memindahkan peralatan seperti komputer dan mesin fotostat ke tempat tinggi buat sementara waktu.

JPN dan JPD juga perlu memantau ramalan cuaca **Jabatan Meteorologi** setiap minggu manakala pegawai pendidikan daerah yang mendapat arahan dari JPN akan bermesyuarat dengan guru besar dan pengetua untuk membuat persediaan menghadapi banjir, katanya.

"Banjir besar akhir tahun lalu menyebabkan kerosakan berjumlah kira-kira RM100 juta (kerosakan sekolah) di seluruh negara. Ini kerana pihak sekolah tidak sempat memindahkan peralatan dan kemudahan sehingga mengalami kerosakan dan kerugian.

"Sehubungan itu, langkah penambahbaikan diambil untuk membuat persediaan pada tahun ini bagi mengurangkan kerosakan," katanya.

Sementara itu, Mahdzir berkata Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dan pihak universiti sedang mencari jalan untuk mengurangkan lambakan graduan pendidikan dalam negara.

"Jumlah guru yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan sudah berada pada tahap tepu," katanya.

"Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dan pihak universiti telah bermesyuarat dan antaranya termasuk cadangan fakulti pendidikan mungkin perlu melihat semula dari segi pengambilan pelajar (bidang pendidikan) agar dapat mengurangkan bilangan pelajar.

Namun ini bukan keputusan Kementerian Pendidikan. Ia akan ditentukan selepas mesyuarat," katanya.

Mahdzir dalam pada itu berkata graduan daripada Institut Pendidikan Guru (IPG) dan universiti (fakulti pendidikan) perlu lulus peperiksaan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SSP) sebelum disahkan dalam perkhidmatan.

"Yang menjadi isu sekarang ialah ramai graduan dari IPG dan fakulti pendidikan gagal peperiksaan dan menyebabkan berlakunya lambakan graduan pendidikan," katanya.

Kini, terdapat 428,000 guru berkhidmat di seluruh negara dan kira-kira 4,500 guru bersara.

-- BERNAMA